



Alumni UMP turun padang bantu mangsa banjir Temerloh

12 orang dalam kalangan alumni UMP menyertai program kesukarelawanan bagi membantu mangsa banjir di sekitar Kampung Liut dan Sekolah Kebangsaan Guai Temerloh.

Mereka berpeluang bertemu dengan masyarakat Kampung Liut dalam usaha membantu membersihkan rumah, klinik dan sekolah yang dipenuhi lumpur akibat bencana banjir yang melanda daerah berkenaan pada 3 Januari 2015 yang lalu.

Sukarelawan yang terdiri daripada

alumni pelbagai fakulti ini telah meluangkan masa selama tiga hari dalam menjayakan misi kesukarelawanan untuk membersihkan lokasi tersebut.

Menurut Siti Nor Maziah Ehsan, 31 yang mengetuai misi ini berkata, pihaknya terpenggil untuk membantu meringankan beban penduduk yang ditimpa bencana sekali gus menyampaikan sumbangan yang dikutip daripada alumni untuk diserahkan kepada mangsa.

“Sebagai persediaan, kami telah membawa peralatan membersihkan rumah bagi memudahkan kerja pembersihan menggunakan peralatan cucian yang disediakan melalui penyelarasan Jawatankuasa Bencana Peringkat Universiti di Bilik Gerakan Banjir UMP.

“Sejurus mengetahui mengenai bencana ini, kami berkumpul dan menyediakan keperluan dan sumbangan bagi untuk membantu penduduk kampung yang menjadi mangsa banjir.

“Berdasarkan pengalaman saya, bantuan kerja sukarela perlu kerana apabila mereka pulang ke rumah selepas banjir pulih,

mereka bantu untuk membersihkannya kerana keadaan rumah teruk dengan lumpur dan sampah sarap,” katanya

Manakala menurut seorang lagi sukarelawan, Hanafi Hashim, 30, yang kini berkhidmat di Sabah berkata, jarak yang jauh tidak menghalangnya untuk sama-sama menyertai aktiviti kesukarelawanan ini.

Katanya, beliau amat tersentuh melihat keadaan mangsa banjir ini apabila rumah yang penuh dengan lumpur dan sampah sarap dan apa yang menyedihkan juga peralatan barang elektrik juga turut rosak.

Tugas kumpulannya lebih memberi tumpuan terhadap kepada pembersihan tempat tinggal, sekolah dan klinik tersebut. Katanya, memandangkan komitmennya yang bertugas di Sabah, sekiranya ada masa terluang nanti masih ingin menyertai aktiviti kesukarelawanan ini.

Kumpulan alumni ini merupakan salah satu kumpulan daripada 1,200 orang penyertaan dalam kalangan warga UMP yang melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan banjir akibat bencana yang menimpa di beberapa negeri di Pantai Timur.